

Self-Favorability Bias (Part 3)

Azizi Hj Yahaya

3.0 DEFINISI “BIAS” DAN “SELF-FAVOURABILITY”

Menurut Kamus Dwibahasa Oxford (2002), “bias” bermaksud kecenderungan untuk berat sebelah. Di dalam konsep sendiri, bias biasanya dikaitkan dengan atribusi. Antara jenis-jenis bias ialah “self-serving bias” atau bias sendiri dan “self-enhancing bias” atau bias kemantapan diri.

Salah satu bias atribusi yang diperkenalkan oleh Wylie (1979) ialah “Self-favourability bias” iaitu kecenderungan untuk berat sebelah bagi mendapatkan faedah atau keuntungan untuk diri sendiri. “Self-favourability” juga boleh dikenali sebagai keberuntungan diri.

4.0 LATAR BELAKANG TEORI

Menurut Wylie (1979), pengetahuan am dan pelbagai teori personaliti bersetuju bahawa manusia mempunyai keperluan yang kuat untuk mengekalkan konsep sendiri yang mendatangkan faedah. Dari satu segi, sesuatu konsep sendiri mungkin bermaksud sifat seseorang itu sendiri, mengakui kesilapan dan kekurangan, menjadikan seseorang berbaloi untuk disayangi dan dihormati oleh diri sendiri dan orang lain. Walau bagaimanapun, mempunyai konsep sendiri yang mendatangkan faedah (self-favourability) jelas menunjukkan bahawa seseorang itu cekap memanipulasikan persekitaran fizikal dan berfikir bahawa dia mempunyai kelebihan dalam pelbagai trait yang menonjol (trait tertentu yang membezakan seseorang dari yang lain). Kecuali keperluan untuk mengekalkan konsep sendiri yang mendatangkan faedah ini diserang-balas oleh keperluan yang lemah (contohnya keperluan untuk mengurangkan kognitif yang bercanggah, atau keperluan untuk menebus kesalahan dengan cara menghukum diri sendiri, atau keperluan untuk menggunakan cara merendahkan diri sendiri untuk mengelak daripada mengancam orang lain yang lebih penting) seseorang akan menjangkakan keperluan untuk meransang diri sendiri yang menjurus kepada bias “favourability” (keberuntungan) dalam konsep sendiri dan laporan diri. Oleh yang demikian, satu trend ke arah keberuntungan diri sememangnya diperlukan dalam sesetengah kumpulan manusia.

Teori konsep sendiri antara lainnya telah menyatakan bahawa untuk mengekalkan konsep sendiri yang memberi keuntungan, seseorang individu menggunakan persepsi yang terpilih, interpretasi dan memori tindakbalas berkait dengan sifat mereka. Ahli-ahli teori menjangkakan maklumbalas yang tidak diingini akan diminimakan, diabaikan, diputarbelitkan atau dilupakan manakala informasi yang mendatangkan faedah akan diperbesar-besarkan dan diingat lebih lama dan lebih jelas. Contohnya, kegagalannya atau pencapaian buruk seseorang murid dalam peperiksaan PMR akan cuba disembunyikan tetapi sekiranya dia berjaya menebusnya dalam SPM, pengalaman kegagalan akan diabaikan tetapi pengalaman kejayaan akan cuba diperbesar-besarkan.

CONTINUE...